

**Pertumbuhan M3 Menyederhana Kepada 6.1 Peratus Pada Februari
Bernama
31 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Pertumbuhan wang secara luas atau M3 menyederhana kepada 6.1 peratus pada bulan Februari, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Pengembangan M3 disebabkan terutamanya oleh pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan, kata BNM dalam satu kenyataan mengenai perkembangan monetari dan kewangan bagi bulan Februari, yang dikeluarkan di sini Isnin.

Bagaimanapun, peningkatan M3 ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penyusutan aset asing bersih berikutan aliran keluar perdagangan dan kewangan bersih pada bulan itu.

Tentang sistem perbankan, BNM berkata, permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 12.1 peratus, 12.8 peratus dan 14.4 peratus.

BNM berkata pada bulan Februari, ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain menambah nilai berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) susulan jangkaan pengurangan skala campur tangan monetari oleh Federal Reserve AS secara yang lebih beransur-ansur.

Pengumuman data ekonomi Malaysia yang positif turut menyumbang kepada minat yang timbul kembali terhadap pasaran kewangan domestik.

Bank pusat itu berkata ringgit juga menambah nilai berbanding mata wang rakan perdagangan utama Malaysia yang lain.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM424.2 bilion (bersamaan dengan USD129.6 bilion) pada 14 Mac 2014. Jumlah ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertanggung dan sdalah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026513>